

# Staf FKJ timba ilmu Eksa daripada staf UMSKAL

UB 27.8.2019 B4

LABUAN: Seramai 15 pegawai dan kakitangan pentadbiran Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Rombongan FKJ itu diketuai Timbalan Pendaftar Azmi Jumat.

Ketibaan rombongan fakulti itu disambut mesra Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Mohamad Tuah, Penolong Pendaftar Kanan yang juga Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia (SPSM)

Mas Adi Alimin dan Penolong Pendaftar PPIB Taufek Abd Latif.

Zamri yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Halik menyampaikan taklimat mengenai UMSKAL dan pentadbiran kampus itu di Bilik Mesyuarat Aras 13, Bangunan Menara.

Beliau bersama Mas Adi membawa rombongan FKJ melawat Pejabat Pengarah di Aras 13 yang juga lokasi melihat anak bulan di samping menikmati pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan.

Selepas itu, mereka mengunjungi pejabat SPSM serta Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Azmi berkata antara lain tujuan lawatan adalah untuk mempelajari pengurusan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (Eksa) di UMSKAL.

Tambahnya, banyak perkara yang boleh ditambah baik untuk diterapkan di FKJ terutama pengurusan Eksa.

"Kami mempelajari beberapa perkara ketika mengunjungi UMSKAL khususnya pengurusan Eksa," katanya.

Selain itu, beliau yakin menerusi kunjungan itu,

hubungan baik antara kakitangan FKJ dan UMSKAL dapat dijalinan.

Katanya, lawatan itu memberi ruang dan peluang kepada staf FKJ mengunjungi UMSKAL dan Labuan secara amnya serta penghargaan kepada staf fakulti.

Sementara itu, Zamri mengucapkan terima kasih kepada staf FKJ yang sudi menjadikan UMSKAL sebagai penandaarasan pengurusan Eksa.

"Kami juga dapat bertukar-tukar idea mengenai Eksa daripada staf FKJ," katanya.



**ROMBONGAN:** Zamri (duduk, tengah) dan Azmi (duduk, dua kanan) bersama rombongan staf FKJ yang melawat UMSKAL.